

CNS9920

R GB 05-04 00179 BB181

aab

NEGARA BARAT TIDAK IKHLAS DALAM ISU ALAM SEKITAR, XATA PM  
Mahathir-alam

KUALA LUMPUR, 5 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata beliau tidak hairan dengan tindakan seorang Senator Amerika Syarikat memperkenalkan satu rang undang-undang untuk mengurangkan penebangan kayu hutan tropika di Sarawak.

• Yerdana Menteri berkata langkah itu berupa sikap kuasa dunia yang menganggap mereka berhak campurtangan dalam lial ehwal negeri mana-mana pun.

+Kita di masa-masa haciapan akan menghadapi masalah kuasa dunia yang berpendapat mereka adalah mata-mata (policeman) bagi dunia dan kalau mereka anggap sesiapa salah, mereka akan ambil tindakan,+ kata beliau kepada pemberita pada majlis rumah terbuka sempena Hari Raya di kediaman rasminya di sini.

Senator Al Gore dari Tennessee dilaporkan sebagai mahu kerajaan Malaysia mengurangkan penebangan balak di Sarawak dengan sebanyak dua pertiga dan memperakukan hak-hak kaum asli di sana.

+Apa yang kita boleh buat, dia nak buat Bill di negeri dia. Itu hak dia,+ kata Dr Mahathir ketika menjawab soalan sama ada Malaysia akan mengambil tindakan. -- lagi

▼05/04/16-21MS1

CNS9925

R GB 05-04 00160 BB182

aab

Mahathir-alam 2 Kuala Lumpur

Mengenai kegagalan mesyuarat persiapan persidangan UNCED di New York mencapai perse tuju an baru-baru ini, Dr Mahathir berkata keputusan itu memang dijangka kerana negara-negara barat dan kaya tidak ikhlas dan jujur dalam menyelesaikan masalah alam sekitar.

Oleh demikian; beliau masih belum membuat keputusan sama ada Malaysia akan menyertai persidangan kemuncak UNCED di Rio De Janeiro, Brazil, pada Jun ini dan pada ketika ini, beliau tidak nampak alasan untuk Malaysia menghadiri perjumpaan itu.

• Dr Mahathir menyifatkan desakan atas masalah alam sebagai helah ekonomi di mana negara-negara yang tidak mampu bersaing dengan Malaysia menggunakan isu itu sebagai alasan.

Kata beliau, ada sesetengah negara pengeluar minyak yang mula berkata penanaman kelapa sawit, yang merupakan komoditi penting bagi Malaysia, mencemarkan alam sekitar.

+Tetapi yang sebenarnya ialah minyak kelapa sawit boleh dijadikan plastik yang boleh hancur sedangkan plastik daripada minyak petroleum tidak boleh hancur sama sekali,+ tambah beliau. -- lagi

▼05/04/16-27MS1

CNS9927

R GB 05-04 00076 BB183

aab

Mahathir-alam 3 (akhir) Kuala Lumpur

Tanpa mendedahkan identiti negara pengeluar tersebut, Dr Mahathir berkata mereka takut kepada persainqan yang diberi oleh plastik daripada minyak kelapa dan dengan itu, menuduh penanaman kelapa sawit akan membawa kesan buruk.

Menqenal penubuhan pasukan petugas untuk menentang kempen antikayu tropika, Dr Mahathir berkata Malaysia akan terus berusaha untuk memberi gambaran yang sebenarnya walaupun kemampuan negara untuk tujuan ini kurang.  
-- Bernama